

28/03/2003

Dunia perlu putuskan siapa pegganas sebenar

Syed Iskandar Syed Jaafar

PRESIDEN George Bush memang sudah hilang akal dan tidak tahu malu kerana memperlakukan Iraq dengan teruk hanya kerana ingin membolot kekayaan minyak negara itu di samping memperbodohkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan membunuh orang awam yang tidak berdosa.

Bush perlu datang ke Malaysia untuk belajar bahasa Inggeris di tadika kerana beliau tidak memahami bahasa ibundanya sendiri mengenai penolakan PBB terhadap agenda jahatnya yang ingin memerangi Iraq.

Di mana logik beliau untuk menyerang Iraq dan apa haknya untuk mengarahkan Saddam Hussein keluar dari tanah air sendiri. Beliau tanpa bukti menuduh Saddam membina senjata pemusnah walaupun dinafikan oleh Ketua Pemeriksa Senjata Api PBB, Hans Blix dan pasukannya terdiri dari Baradei.

Blix dan Baradei melaporkan Bush mengada-adakan bukti tetapi beliau tidak peduli dan tanpa rasa malu terus mencero boh Iraq atas alasan untuk menyelamatkan rakyat negara itu. Beliau membunuh rakyat Iraq tetapi mendakwa menyelamatkan mereka.

Bush, sememangnya gila dan seperti mana kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa alasan Bush untuk menyelamatkan rakyat Iraq dengan membunuhnya tidak boleh diterima.

Apakah selepas Afghanistan dan Iraq, negara lain seperti Iran dan Korea Utara akan menjadi sasaran. Apakah dunia tanpa sempadan hari ini melihat semua peristiwa itu sebagai perkara biasa dan menjadi topik bersebang saja.

Mengapakah dunia tidak boleh melakukan sesuatu seperti memulaukan Amerika Syarikat dan sekutunya dan bolehkah ibu pejabat PBB dipindahkan ke Eropah atau kuasa besar seperti China, Perancis, Russia dan Jerman menjadi pelindung dunia terhadap keganasan yang dicipta Amerika, Israel dan sekutunya.

Bolehkah dunia memilih mata wang Euro bukan dolar atau mengeluarkan semua simpanan jongkong emas di Amerika dan memindahkannya ke Eropah ataupun realitinya, dunia hari ini sememangnya tidak berdaya berhadapan dengan negara yang sudah hilang akal itu.

Dunia perlu membuat keputusan yang waras dalam menentukan siapa sebenarnya pegganas. Kalau Amerika kata PBB kepunyaan mereka, dunia boleh buka satu lagi badan baru yang lebih baik tanpa AS dan sekutunya.

Jika mereka ingin menjadi ahli, syarat berat perlu dikenakan supaya membayar satu trilion Euro kepada badan baru itu, menghapuskan senjata pemusnah dan melantik pasukan pemeriksa untuk memastikan AS patuh kepada resolusi baru.

Biar dunia menentukan sejarah baru kali ini. Ini bukan sekadar angan-angan tetapi satu senario yang boleh dilakukan jika dunia sedar tentang kebenaran dan hak sendiri.

SYED ISKANDAR SYED JAAFAR,  
Kuala Lumpur.